

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 92

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan tindakan untuk menghentikan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh penjaja warga asing sekaligus memberi peluang kepada warga tempatan untuk terlibat dalam bidang perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain menggunakan lesen milik penduduk tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008. Antara perkara yang ditekankan di dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- (i) Permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan sertamerta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

2. KPKT melalui PBT juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terhadap warga asing yang menjalankan perniagaan kecil. Sehingga kini, sebanyak 599 operasi penguatkuasaan oleh PBT ke atas warga asing telah dijalankan manakala operasi penguatkuasaan bersepadu melibatkan pelbagai agensi lain adalah sebanyak 492 operasi.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Seksyen 104, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), PBT boleh, dengan undang-undang kecil, kaedah atau peraturan, menetapkan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan. Bagi sesuatu kesalahan yang berterusan PBT boleh menetapkan sejumlah wang tidak melebihi RM200.00 bagi setiap 1 hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Sekian, terima kasih.